

## BENDUNG EKSTREMIS

# Penting jaga sensitiviti, had kebebasan bersuara kekalkan keharmonian

P<sup>eristiwa</sup> pembunuhan yang berlaku di kota raya Paris, Perancis, baru-baru ini, menggemparkan semua pihak terutama masyarakat Barat yang selama ini mendukung prinsip hak asasi manusia serta kebebasan bersuara secara mutlak.

Dalam kejadian itu, 12 orang terbunuh apabila lelaki bersenjata melancarkan serangan terhadap pejabat akhbar mingguan *Charlie Hebdo*. Syarikat akhbar berkenaan dikenali masyarakat Islam serata dunia kerana banyak menghina agama Islam.

Antara dilaporkan terbunuh ialah empat pelukis kartun serta Ketua Pengarangnya, Stephane Charbonnier. Apa yang berlaku itu mengundang pelbagai kecaman masyarakat antarabangsa termasuk dunia Islam yang mengutuk segala serangan keganasan dilakukan.

Tindakan dilakukan puak pelampau itu juga jelas tidak mewakili Islam secara keseluruhan kerana agama Islam tidak pernah menyuarakan umatnya melakukan sebarang aktiviti keganasan ke atas orang lain.

## Penting jaga sensitiviti

Kejadian itu juga membuka mata banyak pihak mengenai pentingnya semua pihak dalam masyarakat saling menghormati antara satu sama lain serta menjaga sensitiviti.

Prinsip kebebasan terutama kebebasan bersuara diamalkan negara Barat selama ini dilihat gagal menjaga hati serta perasaan banyak pihak dalam masyarakat mereka sendiri yang terdiri daripada pelbagai kaum, latar belakang,



Bantahan terhadap keterbukaan melampau akhbar satira *Charlie Hebdo* di Filipina.

(GAMBAR HIASAN)

bangsa, agama serta kepercayaan.

Sudah sampai masanya negara Barat mengkaji semula prinsip kebebasan diamalkan selama ini terutama kebebasan bersuara serta meluahkan sesuatu pendapat supaya ia tidak boleh dijadikan alasan untuk penganas ataupun pelampau mengambil peluang melakukan tindakan bagi men-

jayakan cita-cita peribadi.

Tidak dinafikan bahawa kebebasan bersuara ataupun meluahkan sesuatu pendapat adalah penting untuk kemajuan sebuah negara, namun jika kebebasan diberikan adalah secara mutlak tanpa sebarang kawalan nescaya kacau bilau akan berlaku dalam masyarakat.

## Kebebasan bersuara melulu

Kekhilafan individu yang memertingkan diri tanpa mempedulikan sensitiviti perkauman atau agama akan menjadi punca keretakan perpaduan dalam masyarakat. Kebebasan bersuara yang tidak rasional dan bersifat melulu juga boleh menyebabkan pergaduhan antara kaum serta membuka

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

[bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

pintu kepada golongan ekstremis dan pelampau melakukan tindakan keganasan.

Negara Barat boleh mempelajari langkah diambil Malaysia bagi membendung tindakan penganas melalui pencegahan awal. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam ucapan dasar pada perasmian Perhimpunan Agung UMNO lalu, mengumumkan bahawa Akta Hasutan 1948 akan dikekalkan bagi melindungi ketenteraman masyarakat awam yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Malah beliau juga berkata, akta itu akan ditambah baik dengan memasukkan beberapa peruntukan penting antaranya melindungi kesucian agama Islam serta agama lain. Cadangan yang dikemukakan ini tepat serta perlu bagi memelihara ketenteraman awam serta mengelakkan sesetengah individu tidak bertanggungjawab yang memainkan isu sensitif seperti agama ataupun kepercayaan sehingga menjejaskan keharmonian sebuah masyarakat.

Dengan pengendalian keamanan serta suasana keharmonian dalam masyarakat, ia juga sudah pasti dapat membendung golongan ekstremis dan pelampau daripada mengambil sebarang peluang melakukan tindakan keganasan.

**Dr Muzaffar Syah Mallow**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)